

Headline	Biar jawatankuasa jalankan siasatan: Loke		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Aug 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	8
ArticleSize	348 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 34,703		



## Biar jawatankuasa jalankan siasatan: Loke

**Seremban:** Kementerian Pengangkutan enggan membuat sebarang kesimpulan berkenaan kenyataan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) yang tidak menolak kemungkinan kegagalan rangkaian di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) disebabkan tindakan berniat jahat.

Menterinya, Anthony Loke, berkata ketika ini Jawatankuasa Siasatan Isu Kegagalan Total Airport Management System (TAMS) sudah diwujudkan secara pentadbiran bagi menyiasat punca sebenar insiden yang dikesan berlaku pada 21 Ogos lalu.

"Jawatankuasa itu diberi kuasa memanggil semua pihak yang terabit untuk memberi keterangan dan mereka ada kuasa untuk mengakses mana-mana tempat di KLIA untuk melihat apa yang berlaku.

"Keterangan itu akan diambil dari semua sudut, daripada semua pihak dan biar jawatankuasa itu menjalankan siasatan terperinci. Saya rasa ketika ini tidak patut buat apa-apa kesimpulan," katanya pada sidang media selepas Program Sokongan Keselamatan Perjalanan (CSSP) di Wisma Tenaga Nasional Berhad (TNB) di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Dr Siti Zaharah Ishak.

Sementara itu, diminta mengulas permohonan pampasan daripada syarikat penerbangan terhadap MAHB berkenaan insiden itu, Loke enggan mengulas



**Loke beramah mesra dengan kakitangan TNB selepas menyaksikan demonstrasi cara pemanduan selamat pada CSSP di Wisma TNB, Seremban, semalam.**  
(Foto Iqmal Haqim Rosman/BH)

perkara itu kerana ia melibatkan syarikat penerbangan dengan operator lapangan terbang.

Ditanya berkenaan 476 jemaah haji Malaysia terkandas di Jeddah

sejak Sabtu lalu disebabkan penjadualan semula waktu penerbangan, Loke berkata, beliau sudah meminta syarikat penerbangan itu menangani perkara berkenaan dengan sebaik mungkin.

"Ia mesti diselesaikan jika ada jemaah terkandas. Penumpang perlu diberi perhatian oleh syarikat penerbangan dan memastikan keselesaan dan keselamatan penumpang diutamakan," katanya.